

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 JULAI 2024  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 3

Malaysia berpendapatan tinggi menjelang 2027- Rafizi

# Malaysia berpendapatan tinggi menjelang 2027 - Rafizi

Oleh **MOHD. HUSNI MOHD. NOOR**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Malaysia mampu menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2027 disokong pertumbuhan ekonomi sekitar empat ke lima peratus setiap tahun.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, hasrat itu juga dapat dicapai dengan pengukuhan ringgit sekitar RM4.20 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Selain itu, beliau berkata, Malaysia juga perlu menjadi hab kewangan antarabangsa disokong prestasi memberangsangkan Bursa Malaysia dan ketersediaan meneroka sektor ekonomi masa depan.

"Pada masa sama, ia juga mengambil kira kemampuan sektor tenaga kita, pertumbuhan pusat data dan potensi industri elektronik dan cip serta memanfaatkan kecerdasan buatan (AI).

"Jika semua petunjuk itu



dipenuhi maka potensi Malaysia itu ada," katanya dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan majlis peluncuran Penemuan Banci Ekonomi 2023 di sini, semalam.

Ditanya sama ada pencapai-

an Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang kini mencecah RM1.514 trilion berupaya mengembalikan Malaysia sebagai Harimau Ekonomi Asia, Rafizi berkata, tiada definisi khusus ditetapkan bagi menca-

pai kedudukan itu.

"Saya ingat persepsi Malaysia sebagai prospek Harimau Ekonomi Asia itu perlu juga berlandaskan ekonomi masa depan.

"Dia tak ada definisi 'harimau' ini apa di sebaliknya, sasaran ini kena rujuk kepada piawaian. Sebagai contoh, negara berpendapatan tinggi, piawaianya ditentukan Bank Dunia.

"Ini adalah piawai mudah (Bank Dunia), soal 'harimau' tak 'harimau', dia ada piawai tetapi pelabur perlu melihat potensi masa depan.

"Jadi, Malaysia berpotensi untuk tumbuh dengan baik. Kalau Malaysia tumpu kepada ekonomi masa depan maka negara dilihat berpotensi jadi 'harimau'," katanya.

Ditanya juga sama ada kerajaan bersedia untuk menyemak semula kadar KDNK, Rafizi berkata, beliau tidak ambil maklum mengenai perkara itu kerana ia tertakluk kepada Kementerian Kewangan.